

Kempen Penyala Harapan semarak harapan, impian komuniti

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

DALAM mengharungi kehidupan mencabar ketika ini, ramai individu memasang impian mencapai kejayaan membanggakan jika ia dibantu dengan dorongan, motivasi dan sumber yang betul.

Bagaimanapun, perjalanan ke arah mencapai kejayaan itu bukanlah sesuatu yang mudah berikutan masalah kewangan sering dilihat menjadi penghalang terbesar.

Susulan itu, pengendali takaful, AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) memperkenalkan kempen Penyala Harapan bagi membentuk sinar baharu kepada rakyat Malaysia dalam usaha menyokong perjalanan ke arah merealisasikan impian mereka.

Menariknya, kempen Penyala Harapan yang dilancarkan pada awal tahun ini bukan sahaja memberi fokus dalam menawarkan bantuan kepada rakyat, tetapi menyediakan mereka dengan motivasi dan inspirasi yang diperlukan untuk Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif AIA PUBLIC Takaful, Elmie Aman Naja, teras kempen itu adalah untuk memupuk pemahaman bahawa impian setiap individu bukan sekadar angan-angan, sebaliknya merupakan pendorong yang kuat untuk seseorang melangkah lebih jauh ke hadapan.

Beliau menjelaskan, teras kempen itu terletak pada kepercayaan mendalam bahawa pembangunan komuniti sebenar melangkaui peranan tradisional pihaknya sebagai penyedia perkhidmatan takaful.

"Ia juga melibatkan usaha memperkasakan orang ramai untuk mencapai aspirasi mereka selain membina masa depan yang terjamin untuk diri dan orang ter-sayang."

"Setiap orang berhak diberi peluang untuk mewujudkan impian mereka tanpa bebanan ketidaktentuan kewangan."

"Kami bukan sekadar menyediakan perlindungan, sebaliknya kami juga memberi manfaat dalam menjamin masa depan yang lebih cerah di mana setiap kanak-kanak boleh mewujudkan impian, tampil cemerlang dan berkembang maju dengan cara tersendiri," katanya.



14 rumah anak yatim di seluruh negara menerima sumbangan barang keperluan asas di bawah Program Kongsi Rezeki.

Ia juga membolehkan usaha mewujudkan aspirasi di mana komitmen ini selari dengan prinsip takaful yang mengutamakan bantuan dan tanggungjawab bersama," katanya kepada Kosmo!

Bagi AIA PUBLIC Takaful juga, selain kepentingan pertumbuhan perniagaan dan pembangunan tenaga agensi, pihaknya turut mengukur kejayaan organisasi itu melalui transformasi positif yang diwujudkan dalam komuniti.

Dalam hal ini, komitmen AIA PUBLIC Takaful terhadap transformasi komuniti telah dipamerkan melalui pelbagai program yang dilaksanakan menerusi kempen Penyala Harapan termasuk kerjasama dengan rakan kongsi seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), program komuniti serta inisiatif media sosial.

Bersempena bulan Ramadan tahun ini, AIA PUBLIC Takaful melaksanakan aktiviti di mana orang ramai berpeluang mencalonkan rumah-anak yatim yang boleh dijadikan beneficiari di bawah Program Kongsi Rezeki.

Untuk rekod, sejak 2021, AIA PUBLIC Takaful telah bekerjasama dengan Malaysian Relief Agency bagi melaksanakan Program Kongsi Rezeki yang menyokong 10 rumah anak yatim di seluruh Malaysia.

Melalui fasa program yang berlalan, rumah-anak yatim tersebut telah menerima sumbangan komputer riba selain barang keperluan seperti katil, tilam, perkakas elektrik serta bekalan harian lain bernilai hampir RM500,000 yang memanfaatkan lebih 500 kanak-kanak.

Program ini juga menyokong kesejahteraan fizikal dan

mental anak yatim dengan melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan pengalaman yang meningkatkan kemahiran sosial selain menambah pengalaman bermakna kepada zaman kanak-kanak mereka.

Mengulas lanjut, Elmie berkata, dengan menggalakkan orang ramai menjadi sebahagian kempen Penyala Harapan dan mencalonkan rumah anak yatim, pihaknya turut berjaya memperluaskan jangkauan impak Program Kongsi Rezeki.

"Sambutan orang ramai terhadap kempen itu begitu menggalakkan di mana pada tahun ini kami telah mendaftarkan empat rumah anak yatim baru dari Selangor, Pahang dan Melaka menjadikannya keseluruhan rumah anak yatim (14) penerima dengan lebih 800 kanak-kanak di bawah Program Kongsi Rezeki.

"Kami berharap sumbangan ini dapat memberi manfaat dalam menjamin masa depan yang lebih cerah di mana setiap kanak-kanak ini boleh mewujudkan impian, tampil cemerlang dan berkembang maju dengan cara tersendiri," katanya.

Elmie menambah, peranan AIA PUBLIC Takaful adalah untuk melindungi impian tersebut dan memastikan bahawa ia bukan sekadar aspirasi, tetapi matlamat yang boleh dicapai, disokong oleh penyelesaian kewangan terbaik.

"Sama ada memastikan pendidikan kanak-kanak, mendapatkan perlindungan daripada penyakit kritis, melindungi orang tersayang dengan hibah atau meninggalkan legasi, kami sentiasa bersama pelanggan untuk melindungi segala yang bermakna buat mereka dan menyumbang kepada aspirasi masa depan.

"Ia termasuk persediaan bagi



ANAK yatim menyertai aktiviti pembelajaran berdasarkan pengalaman yang dapat menyokong kesejahteraan fizikal dan mental mereka.

memastikan pelanggan mendapatkan pendidikan kanak-kanak selain mendapatkan perlindungan daripada penyakit kritis dan melindungi orang tersayang dengan hibah atau meninggalkan legasi," jelasnya.

Katanya, faedah takaful organisasi berkenaan juga bukan sahaja menangani keperluan kewangan dan melindungi pelanggan, namun turut menyediakan saluran amal untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Sebagai contoh, pelan A-Life Legasi Beyond kami direka daripada konsep di mana kekayaan itu bukan semata-mata meninggalkan simpanan yang mencukupi untuk ahli keluarga tetapi terus melakukan kebaikan melalui perbuatan infaq walaupun selepas kematian.

"Jika pelanggan meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal dan menyeluruh, mereka mempunyai pilihan untuk menyumbangkan jumlah perlindungan pelan kepada badan amal pilihan mereka.

"Beberapa penyelesaian kami juga membolehkan pelanggan mendermakan lebih takaful mereka untuk menyokong aktiviti amal dan inisiatif komuniti yang diuruskan oleh AIA PUBLIC Takaful.

"Dengan cara ini, pelanggan kami dapat berkongsi faedah takaful mereka dengan komuniti dengan cara yang lebih mampan dan bermakna," katanya.

Selain itu, Pak Penyala Harapan 3 dalam 1 juga merupakan usaha AIA PUBLIC Takaful untuk menyokong dan memperkasakan rakyat dalam perjalanan mereka untuk mencapai aspirasi hidup.

Pek tersebut menampilkan tiga pelan perlindungan utama iaitu A-Life Kasih Famili, A-Life

Kritikal Protector dan A-Life MediFlex-I yang masing-masing menyediakan perlindungan takaful keluarga, penyakit kritis dan perubatan komprehensif.

Pelanggan boleh memilih untuk menyertai mana-mana satu pelan daripada serendah RM5.94 sehingga di samping mendapat akses kepada AIA Vitality, sebuah program kesihatan dan kesejahteraan unik organisasi berkenaan.



Imbas kod QR di bawah untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai kempen Penyala Harapan AIA PUBLIC Takaful



ELMIE AMAN NAJA